



Ruj. Kami : JPK/702/4/7 ()

Tarikh : 3 Julai 2021

Semua Pengurus Pusat Bertauliah NDT

Semua Pemegang Sijil SKM NDT

Semua Calon Peperiksaan SPKM NDT

Semua Calon Persijilan SPKM NDT

PEMAKLUMAN PELANJUTAN TARIKH TAMAT SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) UJIAN TANPA MUSNAH (NDT) BAGI TUJUAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN VERIFIKASI UNTUK PERSIJILAN SEMULA BAGI CALON YANG TERKESAN DENGAN PELAKSANAAN PKP DI SELURUH MALAYSIA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah disediakan untuk menyelaraskan tatacara operasi berkenaan hal-hal persijilan SPKM NDT, selaras dengan arahan terkini Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 yang telah dikuatkuasakan seluruh negara sejak 18 Mac 2020 yang lalu.

3. Untuk makluman tuan/puan, sebelum ini tempoh sah laku sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada 13 Januari 2021 dan seterusnya, dilanjutkan secara automatik sehingga 30 Jun 2021 tanpa perlu memohon. Namun demikian, selaras dengan arahan terkini Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan PKP yang



(Sila catitkan rujukan Jabatan ini apabila menjawab)

terkini, pelanjutan yang sewajarnya perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan SPKM NDT sepanjang tempoh berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan disebabkan kesukaran di kalangan pemegang sijil untuk menduduki peperiksaan verifikasi bagi tujuan persijilan semula.

4. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira keperluan ISO/IEC 17024:2012 dan ISO 9712 serta arahan semasa MKN dan Kerajaan Malaysia, tempoh sah laku bagi sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh **pada dan sebelum 30 Jun 2021 dilanjutkan secara automatik sehingga 30 September 2021**. Perlanjutan ini hanya terpakai kepada pemegang sijil yang perlu menduduki peperiksaan verifikasi bagi tujuan persijilan semula sahaja. Surat pemakluman ini perlu dibaca bersama **Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh PKP, PKPB dan PKPP** terkini.

Segala perhatian tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. HJ. ZAIHAN BIN SHUKRI)

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia